

**GARIS PANDUAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)**  
**ASAS PENANAMAN KENAF OLEH**  
**PENGUSAHA LADANG KLUSTER DAN KOMERSIAL**

## **1. TUJUAN**

Garis Panduan ini merupakan panduan *Standard Operating Procedure (SOP)* asas penanaman kenaf oleh pengusaha Ladang Kluster dan Komersial.

## **2. LATAR BELAKANG**

2.1 Garis panduan SOP asas penanaman kenaf dibuat sebagai panduan kepada pengusaha Ladang Kluster dan Komersial untuk melaksanakan penanaman. Pelaksanaan penanaman amat penting bagi memastikan syarikat mendapat hasil tanaman yang memuaskan.

2.2 Kenaf sesuai ditanam pada kebanyakan jenis tanah seperti tanah liat atau tanah peroi berpasir yang mempunyai saliran yang baik dan kandungan bahan organik. Kriteria pemilihan kawasan tanah yang sesuai ialah seperti berikut:

- a. Kawasan tersebut mestilah mempunyai topografi yang bersesuaian dan sumber air yang mencukupi;
- b. Mempunyai akses laluan dan jarak ideal dengan pusat pemprosesan;
- c. Kawasan tanaman tidak berpaya atau berair sepanjang masa; atau
- d. Boleh diakses oleh kenderaan pengangkut bagi tujuan pengangkutan hasil tanaman dan pemprosesan.

## **3. OBJEKTIF PELAKSANAAN**

3.1 Objektif panduan penanaman kenaf oleh pengusaha Ladang Kluster dan Komersial bagi tanaman pengeluaran biji benih, fiber dan makanan ternakan adalah seperti berikut:

- a. Bagi memastikan kawasan tanaman yang dipilih memenuhi kriteria asas pemilihan kawasan tanaman.
- b. Memberi pengesyoran kepada pengusaha untuk menggunakan **Buku Manual Penanaman, Pemprosesan Dan Pengendalian Hasil Kenaf Edisi Kedua 2013** sebagai panduan.
- c. Pengurusan hasil tanaman dapat diurus dengan baik mengikut rantaian pengeluaran.

- 3.2 Keluasan tanaman pengusaha ladang kluster adalah di antara 5 hingga 500 hektar.

## **4. KEPERLUAN ASAS TANAMAN KENAF**

### **4.1 Kesesuaian Agroekologi**

#### **a. Cuaca**

Taburan hujan di antara 60mm hingga 120mm/bulan diperlukan semasa kitaran pertumbuhan dan penuaian tanaman fiber dalam tempoh 120 hari, tanaman biji benih 150 hari lepas tanam bergantung kepada varieti serta tanaman makanan ternakan 35 hingga 45 hari. Selain itu, suhu yang optimum untuk pertumbuhan ialah 25°C sehingga 28°C pada waktu siang. Suhu yang terlalu tinggi atau terlalu rendah akan menjelaskan proses pembentukan fiber serta menjelaskan mutu tanaman. Keperluan cahaya matahari adalah 12.5 jam/hari.

#### **b. Pemilihan Kawasan Tanaman**

Pemilihan kawasan tanaman perlu dititik beratkan bagi memastikan kawasan yang dipilih sesuai untuk tanaman kenaf dengan penggunaan mekanisasi.

### **4.2 Permukaan tanah**

Tanaman kenaf memerlukan permukaan tanah yang rata atau kawasan yang mempunyai kecerunan tidak melebihi 12°. Ini bertujuan memudahkan kegunaan jentera ladang semasa aktiviti penanaman kenaf seperti aktiviti pembersihan kawasan, penyediaan tanah, pembajaan dan kutipan hasil. Bagi penanaman secara manual, ia boleh ditanam di kawasan yang mempunyai kecerunan melebihi 12°.

Selain itu, kenaf juga boleh ditanam secara integrasi dengan tanaman lain seperti sawit, getah atau kelapa yang baru ditanam atau pokok belum matang berdasarkan sistem penanaman yang disyorkan di samping memerlukan kemudahan infrastruktur seperti jalan ladang, pengairan dan saliran.

Walaubagaimanapun keluasan bertanam kenaf perlu melebihi 25 hektar bagi setiap permohonan.

#### **4.3 Kesesuaian tanah**

Kenaf boleh ditanam mengikut kesesuaian tanah seperti mana susunan berikut:

- i. Tanah liat peroi berpasir (*sandy clay loam*);
- ii. Tanah peroi berpasir (*sandy loam*);
- iii. Tanah liat; dan
- iv. Tanah berpasir (*sandy soil*).

Bagi tanah BRIS (*Beach Ridges Interspersed with Swales*), penanaman kenaf adalah kurang sesuai. Sekiranya penanaman dilakukan, sistem pengairan yang efektif serta penggunaan bahan-bahan penyuburan tambahan yang melibatkan kos yang tinggi adalah diperlukan. Penanaman kenaf di atas tanah berbatu seperti batu granit adalah tidak sesuai dilaksanakan.

#### **4.4 pH tanah**

pH merupakan cara mengukur keasidan dan kealkalian tanah secara relatif. Tahap pH tanah yang optimum bagi tanaman kenaf adalah antara pH 5.5 hingga pH 6.5. Bagi tanah yang mempunyai pH kurang daripada pH 5.0, pengapuruan perlu dilaksanakan untuk menaikkan kadar pH, manakala kawasan yang mempunyai pH 6.5 dan ke atas, penanaman kenaf tidak sesuai dilaksanakan.

#### **4.5 Analisis sampel tanah**

Analisis sampel tanah dilaksanakan bertujuan untuk mengetahui tahap keasidan dan kealkalian tanah. pH yang sesuai adalah 5.5 hingga 6.5 disahkan oleh makmal bertauliah/makmal LKTN atau bacaan pH menggunakan *pH meter probe* boleh digunakan (pH meter perlu dikalibrasi secara berkala) dan perlu disahkan oleh Pengurus Wilayah/Pengarah Negeri/Pegawai Negeri.

##### **a. Pengambilan Sampel Tanah**

Pengambilan sampel tanah adalah bertujuan mendapatkan sampel tanah bagi kawasan-kawasan yang dicadangkan untuk penanaman kenaf. Sampel tanah diambil dengan kedalaman antara 15 hingga 20 cm.

##### **b. Analisis Sampel Tanah**

Dalam menentukan pH tanah, alat *Soil pH Meter* digunakan bagi memperolehi bacaan pH tanah dengan cepat. *Soil pH Meter* diletakkan di atas tanah yang lembab bagi membolehkan bacaan pH tanah. Dicadangkan lima (5) point bacaan pH secara paksi "X" dibuat pada lokasi

kawasan tanaman seperti **LAMPIRAN 1** atau sekiranya tanah dalam keluasan lokasi yang sama boleh menggunakan 5 point sahaja. Purata pH berkenaan direkodkan sebagai pH tanah kawasan berkenaan.

## 5. PENGAIRAN DAN SALIRAN

- 5.1 Pengairan adalah untuk membekalkan air secukupnya bagi keperluan tanaman.
- 5.2 Kawasan yang berisiko banjir adalah disyorkan penyediaan sistem saliran bagi memastikan tanaman tidak ditenggelami air. Disertakan carta alir pemilihan kawasan di **LAMPIRAN 2**.

## 6. SENARAI SEMAK KRITERIA SYARIKAT PROJEK LADANG KLUSTER DAN LADANG KOMERSIAL

- 6.1 Syarat – syarat pengusaha ladang kluster dan komersial:
  - a. Pemilik syarikat/pengusaha berstatus warganegara Malaysia.
  - b. Pemilik syarikat/pengusaha hendaklah berumur 18 tahun ke atas.
  - c. Syarikat telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
  - d. Mempunyai kawasan tanaman berkeluasan lebih daripada 5 hektar.
  - e. Mempunyai status pemilikan tanah yang sah beserta dokumen sokongan yang lengkap.
    - i. Salinan pemilikan tanah sendiri atau;
    - ii. Salinan surat perjanjian sewa atau surat setuju memberi sewa atau surat setuju memberi sewa dengan menyatakan nombor lot dan keluasan yang jelas di atas surat sewaan atau;
    - iii. Salinan pembayaran cukai tanah kerajaan/ *Temporary Occupation License (TOL)* / *Native Customary Rights* (Tanah Adat) bersama kelulusan daripada pihak berkuasa wilayah Sarawak/Sabah atau;
    - iv. Surat kebenaran menggunakan tanah dari pihak berkuasa negeri.
  - f. Pengusaha perlu mengemukakan pengesahan keluasan tanah dan mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan/negeri/wilayah.
  - g. Mengemukakan salinan keputusan ujian pH tanah. pH yang sesuai adalah 5.5 hingga 6.5 disahkan oleh makmal bertauliah/makmal LKTN atau bacaan pH menggunakan *pH meter probe* boleh digunakan (pH

meter perlu dikalibrasi secara berkala) dan perlu disahkan oleh Pengurus Wilayah/Pengarah Negeri/Pegawai Negeri.

- h. Topografi tanah yang sesuai untuk penanaman kenaf memerlukan permukaan tanah rata atau kawasan yang mempunyai kecerunan tidak melebihi  $12^{\circ}$ . Penilaian dibuat oleh Jawatankuasa peringkat Negeri.
  - i. Maklumat kewangan (penyata bank) dan surat kebenaran menyemak maklumat seperti berikut:
- i. Mengemukakan salinan penyata bank 3 bulan terkini dari tarikh permohonan dan di sahkan oleh pihak bank (Sekiranya syarikat baru ditubuhkan dan mempunyai 1 bulan penyata bank, syarikat perlu menunggu hingga tempoh 3 bulan) dan modal sekurang-kurangnya RM50,000.00.
- ii. Melampirkan surat kebenaran untuk menyemak maklumat berkaitan apabila diperlukan.
- j. Syarat tuntutan aktiviti penanaman adalah pembayaran mengikut status perkembangan semasa melalui 3 fasa (berdasarkan perjanjian).
- k. Pegawai LKTN akan melaksanakan prosedur pemantauan dan pengesahan tapak seperti:
  - i. Taklimat SOP penanaman, pemprosesan dan pemasaran kenaf.
  - ii. Lawatan pemantauan dan pengesahan tapak perlu dilakukan sebelum aktiviti penanaman dilakukan.
  - iii. Laporan bergambar sebelum dan selepas aktiviti menanam.
- iv. Keutamaan diberikan kepada syarikat yang mempunyai kelengkapan jentera pertanian.
- l. Pengusaha perlu membuat permohonan/ perjanjian secara bertulis bersama LKTN setelah permohonan dipersetujui.
- m. Pengusaha perlu mendapat pengesahan dan kelulusan pendaftaran penanam melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran Aktiviti Kenaf (Hulu dan Hiliran). Kelulusan akan dibuat setelah pengusaha memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh LKTN.

## **7. PENDAFTARAN PENGUSAHA**

- a. Mengemukakan permohonan pendaftaran menggunakan **BORANG LKTN/PPK 1(a)@(b) – BORANG PENDAFTARAN PENANAMAN KENAF (HULUAN)** seperti **LAMPIRAN 3**.
- b. Setiap pengusaha kenaf yang berdaftar hendaklah mematuhi SOP Jadual serta Amalan Pertanian Yang Baik (GAP) yang ditetapkan oleh LKTN.
- c. Hendaklah berdaftar dengan Lembaga Kenaf Dan Tembakau Negara dan mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa Pendaftaran Aktiviti Kenaf (Hulu dan Hiliran).
- d. Carta alir pendaftaran pekebun kecil/pengusaha tanaman kenaf bagi aktiviti hulu adalah seperti di **LAMPIRAN 4**.

## **8. PEMAKAIAN**

Garis panduan ini dibaca bersama dengan **Buku Manual Penanaman, Pemprosesan Dan Pengendalian Hasil Kenaf Edisi Kedua 2013**.

## **9. TARIKH KUATKUASA**

Garis panduan ini berkuatkuasa pada **11 November 2024**. Garis panduan ini adalah terpakai sehingga garis panduan baharu dikeluarkan.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya Yang Menjalankan Amanah,



**(HAJI WAN BAHARUDDIN WAN ISMAIL)**

**Ketua Pengarah  
Lembaga Kenaf Dan Tembakau Negara**

Tarikh: